



7 Julai 2020

Saudara-saudari yang seiman dalam Kristus,

Dengan pembukaan semula gereja dalam Keuskupan Agung Kuala Lumpur, kami fahami bahawa semua umat tidak sabar untuk kembali ke gereja Holy Family untuk menghadiri misa kudus.

Kami dengan berbesar hati ingin memberitakan bahawa pihak gereja sedang berusaha untuk mengadakan Misa Kudus pertama pada **19 Julai (10.00 a.m)**, bersamaan dengan hari **Ahad**. Pihak gereja sedang bekerjasama dengan para sukarelawan dan penasihat untuk membuat persiapan yang rapi bagi memastikan semua umat yang meghadiri misa kekal sihat dan selamat. Sepanjang membuat persiapan untuk merayakan Misa Kudus yang pertama ini, kami akan terus mengamalkan sikap berhati-hati dan memastikan bahawa misa hanya akan dijalankan sekiranya tiada keraguan yang didapati dalam setiap aspek misa. Sekiranya terdapat kekurangan atau keraguan, misa akan ditangguhkan.

Kami juga ingin memberi peringatan bahawa akan terdapat umat yang tidak berpeluang untuk menghadiri Misa Kudus atas sebab umur, tahap kesihatan, dan langkah berjaga-jaga yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa. Uskup Agung Julian Leow Beng Kim telah melepaskan para umat daripada kewajipan untuk menghadiri Misa Kudus kerana gereja-gereja telah ditutup sepanjang tempoh PKP dan pelepasan itu kekal berkesan. Keuskupan Agung akan meneruskan tayangan siaran langsung Misa Kudus secara atas talian agar para umat mampu mengekalkan persekutuan rohani antara gereja dan sesama.

Berikut adalah beberapa maklumat penting bagi umat yang ingin mendaftar untuk menghadiri Misa. Peringatan bahawa setiap arahan yang telah diberikan adalah berdasarkan panduan yang telah dikemukakan oleh pihak berkuasa serta Keuskupan Agung dan boleh berubah:

Proses pendaftaran

- Pendaftaran akan dilakukan secara atas talian melalui laman web gereja (www.hfckajang.org.my)
Pendaftaran boleh dilakukan pada seminggu sebelum misa. Pengumuman akan dilakukan menerusi laman web, saluran media sosial dan akaun Telegram gereja @ <https://t.me/holyfamilykajang>.
- Mengikut panduan yang telah dikemukakan oleh Keuskupan Agung Kuala Lumpur pendaftaran hanya boleh dilakukan oleh umat yang berumur 13 hingga 69 tahun. Mereka yang berjaya mendaftar akan dihubungi melalui *Whatsapp*. Mereka yang mempunyai simptom seperti demam, batuk, sakit tekak, masalah penafasan atau selsema adalah tidak dibenarkan untuk menghadiri Misa Kudus di gereja. Bagi mereka yang mempunyai panyakit kencing manis, kanser dan masalah kesihatan yang tergolong dalam kumpulan berisiko tinggi adalah tidak digalakkan untuk menghadiri misa.
- Hanya 320 umat boleh berada dalam gereja sepanjang misa. Dengan itu, kita harus menghadiri Misa dengan bergilir. Walaupun pendaftaran Misa dilakukan atas dasar “siapa cepat, dia dapat”, setiap umat hanya boleh menghadiri misa sekali dalam tempoh beberapa minggu dan pendaftaran berulang mungkin tidak akan berjaya.
- Pembukaan semula gereja memerlukan kerjasama daripada para sukerelawan agar Prosedur Operasi Standard yang ditetapkan dapat dilaksanakan. Pendaftaran bagi sukarelawan akan dibuka dalam laman web gereja.



Persiapan untuk menghadiri misa

- Sekiranya anda merasa tidak sihat pada hari yang anda sepatutnya menghadiri misa, sila kekal di rumah dan dapatkan rawatan perubatan secepat yang mungkin. Penjadualan semula misa boleh dilakukan dengan menghantar e-mel kepada cominghome2hfk@gmail.com.
- Pastikan anda telah mendaftarkan diri dalam aplikasi SELangkah atau MySejahtera dan muat turun aplikasi untuk mengimbas kod QR. Aplikasi ini diperlukan untuk tujuan pendaftaran semasa memasuki gereja.

Langkah berjaga-jaga semasa dalam gereja

- Sila bawa pelitup muka yang mencukupi dan cecair pembasmi kuman untuk membersihkan tangan anda sebelum dan selepas menerima Tubuh Kristus. Anda juga dibenarkan untuk membawa kipas tangan kerana penghawa dingin akan ditutup sebelum misa dimulakan.
- Pelitup muka harus dipakai sepanjang berada di dalam dan luar gereja. Penjarakan sosial juga harus diamalkan. Setiap kedudukan yang telah ditentukan harus dipatuhi.
- Sumbangan bagi gereja boleh dimasukkan ke dalam kotak yang telah disediakan semasa memasuki dan meninggalkan gereja. Umat adalah digalakkan untuk membuat sumbangan secara atas talian. Maklumat lanjut boleh didapati di pautan ini: <http://www.hfckajang.org.my/bulletin/2020/04/22/keep-our-church-going>.
- Sila imbas dan isi butiran yang diperlukan dalam aplikasi SELangkah atau MySejahtera. Anda harus mengimbas kod QR yang telah dipaparkan atas kerusi anda untuk mengisi borang yang disediakan oleh Keuskupan Agung Kuala Lumpur.
- Sepanjang misa, umat tidak harus menjalinkan tangan semasa mendoakan Bapa Kami dan tidak boleh berjabat tangan semasa tanda damai. Sila pastikan anda memakai pelitup muka semasa berbaris untuk menerima Tubuh Kristus dan menurunkan pelitup muka itu hanya sebelum menerima Tubuh Kristus menggunakan tangan.
- Menjaga kebersihan gereja adalah tanggungjawab bersama. Oleh itu, sila pastikan anda tidak meninggalkan sampah seperti tisu, kertas, makanan dan pelitup muka dalam gereja.
- Selepas pemberkatan terakhir, sila meninggalkan gereja dalam keadaan yang teratur dengan segera tanpa berlengah atau bersempang. Sepanjang tempoh ini, pemberkatan secara individu atau bagi kanak-kanak tidak akan dilakukan.
- Menurut panduan yang telah dikemukakan, penggunaan tandas hanya dibenarkan untuk tujuan kecemasan.

Pembukaan semula gereja harus dilakukan dengan pematuhan sepenuhnya kepada prosedur dan langkah berjaga-jaga yang telah dinyatakan. Sila patuhi setiap arahan yang telah diberikan untuk menjaga kesejahteraan gereja dan komuniti kita. Sekiranya arahan dan panduan yang dikemukakan tidak dipatuhi, kesihatan komuniti gereja akan terjejas dan gereja kita mungkin akan ditutup kembali.



Misa yang akan berlangsung pada minggu yang akan datang adalah sedikit berbeza daripada misa yang telah kita ikuti empat bulan yang lalu. Oleh itu, adalah sangat penting bagi kita untuk bekerjasama sepanjang tempoh ini. Kita tidak harus menganggap langkah berjaga-jaga ini sebagai pembatasan, tetapi sebagai suatu peluang untuk menghidupi iman kita dengan kasih, persefahaman, kesabaran dan kemurahan.

Maklumat tambahan dan pengumuman lanjut akan diumumkan dalam saluran rasmi seperti laman web gereja, saluran media sosial dan akaun *Telegram* @ <https://t.me/holyfamilykajang>. Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan atau cadangan, sila hubungi pejabat gereja (+603-87331154) atau menghantar e-mel kepada cominghome2hfk@gmail.com.

Marilah kita terus berdoa kepada Keluarga Kudus bagi mereka yang dirumah agar terus berharap dan kekal dalam kesatuan dengan Tubuh Kristus dan juga bagi mereka yang akan kembali ke gereja agar mereka kekal sihat dan selamat.

Yang ikhlas dalam Kristus,

Paderi Andrew Kooi, Philip Chua dan Vincent Thomas

Paderi-paderi Gereja Holy Family Kajang